



(<http://www.upm.edu.my>)

Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia



(<https://www.malaysia.gov.my/portal/index>)

» BERITA (/BERITA) » Pelajar UPM laksanakan program kemasyarakatan SOAP di Kemboja

Senarai Berita (/berita)

Pelajar UPM laksanakan program kemasyarakatan SOAP di Kemboja

Oleh: Aisyah Mohamad Saad



SIEM REAP (Kemboja), 28 Jan – Seramai 16 pelajar Kolej Enam Belas, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan *Society Awareness Programme (SOAP) Cambodia and Beyond* di Siem Reap, Kemboja dari 23 hingga 28 Januari 2019, dan menjadikan Madrasah Qamaruddin Al-Islamiah dan Madrasah Ar-Raafa'ah di kampung Stung Thmei dan Tonle Sap sebagai destinasi pilihan.

Pengarah program yang juga pelajar Bachelior Sains Biologi Sel dan Molekul, Fakulti Bioteknologi Dan Sains Biomolekul, UPM, Muhammad Faiz Abdul Manab Muhammad Faiz berkata pemilihan madrasah itu sebagai lokasi program bertujuan memberi kesedaran dan berkongsi ilmu melalui aktiviti yang dijalankan bersama penghuni madrasah.

Katanya, program itu memfokuskan kepada konsep kesedaran mengenai amalan kebersihan dalam hidup dengan mensasarkan golongan kanak-kanak di madrasah.

SOAP yang memfokuskan kepada pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya pelajar mengenai kepelbagaian cara hidup, budaya dan agama merupakan program berterusan yang telah dijalankan di beberapa lokasi di Malaysia dengan mensasarkan kelompok masyarakat yang berbeza.

Felo pemantau Siti Mahsuri Talib pula berkata SOAP kali ini dibawa ke luar negara.



"Kita cuba bawa SOAP ke satu peringkat lain, walaupun cabarannya lebih sedikit berbanding di buat di Malaysia daripada segi kewangan, interaksi, dan bahasa tetapi dapat diatasi dengan komitmen pasukan dan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Peserta program Melissa Zalia Safira Mamat@Ali berkata, SOAP *Cambodia and Beyond* agak mencabar kerana perbezaan bahasa antara peserta dan penduduk.

"Pada awalnya kami menjangkakan perbezaan bahasa akan menyukarkan kami untuk berkomunikasi, namun kebanyakan masyarakat Islam di Siem Reap boleh berbahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Ini menjadikan peserta lebih bersemangat untuk memahami budaya Kemboja," katanya.

Aktiviti pasukan SOAP di Kampung Stung Thmei dijalankan sekitar Masjid An Naemah yang berdekatan Madrasah Qamaruddin Al-Islamiah.



LIHAT JUGA



Pelajar UPM laksanakan program kemasyarakatan SOAP di Kemboja (/berita /pelajar_upm_laksana_program_kemasyarakatan_soap_di_kemboja-47483)



Delegasi Bangladesh ikuti latihan pengkomersialan harta intelek di UPM (/berita /delegasi_bangladesh_ikuti_latihan_pengkomersialan_harta_intelek_di_upm-47479)



Kekalkan kecemerlangan, mantapkan budaya kerja (/berita /kekalkan_kecemerlangan_mantapkan_budaya_kerja-47445)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (<mailto:marketing@upm.edu.my>)



BM

Dengan bantuan guru madrasah itu, Ustaz Ismail Yakob, peserta berpeluang tinggal bersama keluarga angkat selama tiga hari serta dapat merasai makanan tradisional Kemboja seperti Lembu Naik Bukit, Daging Loklak dan sosej tradisi buatan sendiri.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang lima hari empat malam di Stung Thmei dan Tonle Sap. Melalui slot *"Jewel of Life: Childrens of Cambodia"* kanak-kanak didedahkan kepada kepentingan asas kebersihan diri melalui slot Jom Sihat termasuk aktiviti menggosok gigi, melakukan tujuh langkah membasuh tangan serta mengekspresikan bakat dan pengetahuan melalui aktiviti Seni Penulisan Khat dan 'English and Kids'.

Slot *'Taste It, Love It'* pula diisi dengan aktiviti merewang bersama penduduk dan pelajar madrasah. Di Stung Thmei, pasukan SOAP menjamu 150 orang pelajar madrasah dengan masakan Malaysia seperti kari ayam, nasi impit kuah kacang dan bubur cha-cha, manakala di Tonle Sap pula, menu yang di pilih adalah Daging masak kicap, Sup Ayam dan Nasi Impit Kuah Kacang.

Pengetua madrasah Ar-Rafee'ah, Ustaz Yaakob Sulaiman berkata pelajar madrasah yang dalam lingkungan 6 hingga 12 tahun itu gembira dengan kunjungan pelajar UPM dan pasti ia memberi memori indah kepada kanak-kanak disertai peluang untuk mereka mengenali dunia luar.

Pasukan SOAP turut menyerahkan barangan sumbangan seperti jubah, telekung, iqra', sabun, ubat dan berus gigi serta alat tulis kiriman amanah penyumbang kepada kedua-dua madrasah.

Pasukan SOAP juga melawat tapak warisan dunia (UNESCO), Angkor Wat atau juga digelar sebagai *'City of Temples'*.

Perjalanan seawal jam 4 pagi ke Angkor Wat dengan menaiki tuk tuk merupakan pengalaman baharu bagi semua peserta. Mereka berpeluang melihat fenomena matahari terbit di sebelah pagi di kuil bersejarah itu dan melihat fenomena matahari terbenam di sebelah petang di kuil Phnom Bakheng selepas melakukan pendakian kira-kira 20 minit. – UPM

Tarikh Input: 18/02/2019 | Kemaskini: 18/02/2019 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpelajar_upm_laksana_program_kemasyarakatan_soap_di_kemboja-474838)

https://www.upm.edu.my/berita/pelajar_upm_laksana_program_kemasyarakatan_soap_di_kemboja-474838
 title= Pelajar%20UPM%20Laksana%20Program%20Kemasyarakatan%20SOAP%20Di%20Kemboja%20%7C%20Putra%20Malaysia
 (/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)
 (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA
 1800 22 5587
 +603 8948 7273
 marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
 BAHAGIAN KESELAMATAN
 UPM (24 JAM)
 03-8946 7990 | 03-8946 7470 |
 03-8947 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara
 (<http://bursar1.upm.edu.my/spliv/>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia
 (SISMAN)
 (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Jawatan Kosong
 (<http://sjp.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT
 (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub
 (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan
 (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim
 (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf)
 (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
 (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar pascasiswazah)
 (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
 (<http://www.moe.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
 (<http://www.ptptn.gov.my/>)
 Multimedia Super Corridor
 (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
 Portal myGovernment
 (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)
 Agensi Kelayakan Malaysia
 (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (Entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web
 (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
 Tender & Kontrak
 (<http://etender.upm.edu.my/>)
 Laporan Piagam Pelanggan
 (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
 Dasar UPM
 (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)
 Sistem Pengurusan ISO
 (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
 Dana Wakaf Ilmu
 (<http://www.wazan.upm.edu.my>)
 Penerbitan UPM
 (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
 Poliklinik Putra Medik
 (http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik_Putra_Medik-29862)
 Takwim UPM 2018
 (<http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20180220160119TAKWIM-UPM-2018.pdf>)

Dasar Privasi ([/footnote/dasar_privasi-29949](http://www.upm.edu.my/footnote/dasar_privasi-29949)) Hakcipta ([/footnote/hakcipta-29950](http://www.upm.edu.my/footnote/hakcipta-29950)) RSS (/rss) Penafian ([/footnote/penafian-29938](http://www.upm.edu.my/footnote/penafian-29938)) © 2019 Universiti Putra Malaysia
 Bantuan ([/footnote/bantuan-29937](http://www.upm.edu.my/footnote/bantuan-29937)) UPM online ([/footnote/upm_online-38695](http://www.upm.edu.my/footnote/upm_online-38695))
 Dasar Keselamatan ([/footnote/dasar_keselamatan-29939](http://www.upm.edu.my/footnote/dasar_keselamatan-29939))

LANGGAN MELALUI EMAIL HANTAR